

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
(KANGAR)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada jeti Kuala Perlis akan dibesarkan dan jumlah perkhidmatan dan kekerapan feri akan ditambah dalam RMK-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Feri penumpang dari Kuala Perlis ke Langkawi beroperasi dari Jeti Penumpang Kuala Perlis yang terletak di muara Sungai Perlis. Jeti Penumpang Kuala Perlis ini pernah dinaik taraf pada tahun 2014 dan 2015 serta dari masa ke semasa melaksanakan penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Jumlah kapasiti penumpang di ruang menunggu telah ditingkatkan daripada 300 penumpang kepada 800 penumpang (jumlah kerusi 500 unit).

Pertambahan kekerapan bagi perkhidmatan Feri dan RORO sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Melalui agensi Kementerian iaitu Jabatan Laut Malaysia (JLM), perbincangan bersama operator feri dan RORO kerap dijalankan bagi mengenalpasti keperluan pertambahan perjalanan feri dari Jeti Kuala Perlis ke Pulau Langkawi. Antara perkara utama adalah memastikan perjalanan Feri tidak terjejas dan kedalaman air adalah selamat untuk belayar.

Dalam hubungan ini, JLM telah melaksanakan kerja-kerja pengerukan alur pelayaran secara berkala bagi memastikan alur pelayaran dan lembangan dalam keadaan selamat untuk belayar. Kerja-kerja pengerukan berkala telah dilaksanakan pada tahun 2003, 2006, 2010, 2014 dan 2018 di bawah Rancangan Malaysia. Terkini, pada sesi permohonan projek baharu dalam RMKe-12, JLM telah menyenaraikan permohonan projek Kerja-Kerja Pengerukan di Alur Pelayaran dan Basin Jeti Penumpang Kuala Perlis sebagai senarai keutamaan projek di bawah JLM.

JLM kini sedang menjalankan proses tender kerja-kerja pengerukan berkala. Skop kerja pengerukan meliputi pengerukan mendalamkan basin (hadapan) jeti Kuala Perlis dan juga alur pelayaran sepanjang 9 km pada kedalaman 4.0 meter *Chart Datum* (CD) dan 70 meter lebar. JLM sentiasa komited dalam memastikan keselamatan alur pelayaran di jeti-jeti utama adalah di tahap maksimum dengan melaksanakan kerja-kerja pengerukan

SOALAN NO : 12

secara berkala. Projek pengerukan ini dapat meningkatkan keselamatan pelayaran feri penumpang, nelayan dan pengusaha bot di perairan tersebut. Projek pengerukan ini juga memberi manfaat secara langsung kepada penduduk setempat seperti nelayan, pengusaha bot dan feri pelancongan, pengusaha bot-bot rekreasi dan juga kepada pedagang-pedagang.

Pengerukan ini juga dilihat akan memberi kesan positif kepada peningkatan pelancong khususnya ke Pulau Langkawi dari dalam dan luar negara. Secara dasarnya projek ini dapat meningkatkan pelbagai sektor ekonomi serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat.